

→ KONVOKESYEN

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]



Tengku Abdullah beramah mesra dengan graduan pada majlis konvokesyen Universiti Malaysia Pahang Ke-12 di Gambang, semalam.

Graduan UMP dinasihati hayati nilai murni

→ Usaha lahir insan terpelajar sia-sia jika tidak amanah laksana tugas

Oleh Amin Ridzuan Ishak dan Sharinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) diingatkan supaya menghayati nilai murni dalam kehidupan peribadi dan tanggungjawab profesional untuk membuat keputusan yang baik.

Canselornya, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang memberikan nasihat itu berdasarkan pengalaman baginda sepanjang 42 tahun dimasyhurkan sebagai Tengku Mahkota Pahang, bertitah graduan kini menjadi sebahagian daripada komuniti insan terpelajar.

Pemangku Raja Pahang itu bertitah masa, tenaga dan wang yang dilaburkan

untuk melahirkan insan terpelajar oleh ibu bapa serta kerajaan akan sia-sia jika graduan silap membuat pertimbangan atau cuai dalam tindakan mereka.

"Status sebagai graduan melayakkan anda dilantik ke pelbagai jawatan pada peringkat pengurusan dan profesional sama ada di sektor awam dan swasta yang mendedahkan kepada pelbagai tanggungjawab serta kuasa untuk membuat sesuatu keputusan.

Berintegriti

"Hal ini tentu menuntut akauntabiliti tinggi daripada anda sebagai golongan eksekutif dan profesional beretika dan berintegriti, namun jika nilai murni itu tidak dihayati sepenuhnya dalam jiwa, pemikiran dan tindakan, sudah tentu anda berisiko tinggi terbabat dalam penyelewengan, salah guna kuasa, rasuah dan pelbagai bentuk jenayah kolar putih.

"Ini sudah tentu merosakkan status anda sebagai orang terpelajar dan mencemarkan nama Universiti Malaysia Pahang yang menjadi alma mater anda," titah baginda pada Majlis Konvokesyen Ke-12 UMP di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri

Besar, Datuk Seri Adnan Yakob dan Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Pada majlis itu, Tengku Abdullah turut dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan yang disampaikan Daing Nasir.

Tengku Abdullah berkata, graduan juga harus mengingati semua manusia adalah insan biasa di sisi Allah walaupun mereka selepas ini memegang jawatan dan berkedudukan tinggi.

"Kita tidak hanya dituntut mempunyai akauntabiliti terhadap urusan dunia-wi di rumah atau di tempat kerja, tetapi turut menggalas akauntabiliti dalam hubungan kita dengan Allah yang sentiasa menilai gerak-geri dan tindak-tanduk kita dari saat dilahirkan hinggalah ke saat kembali kepada-Nya.

"Bagi saya inilah makna integriti dan akauntabiliti yang sebenar-benarnya," katanya.

Sementara itu, Tengku Abdullah menghargai penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan yang bukan untuk diri baginda semata-mata sebaliknya seluruh keluarga terutama Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah dan bonda, Almarhum Tengku Ampuan Afzan.